

USIM meterai 25 MoU dengan universiti Asia Barat

Perluas jaringan antarabangsa

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 16 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini memeterai 25 memorandum persefahaman (MoU) dengan universiti dari Asia Barat dalam usaha memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa.

Kerjasama yang turut bertujuan memperkukuhkan hubungan institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan diadakan pada Persidangan Pengajian Tinggi Global Arab-Malaysia (AMGHE) 2012, di Putrajaya baru-baru ini.

Melalui perjanjian tersebut, USIM bersama universiti dari Sudan, Palestin, Mesir dan Jordan akan bekerjasama bagi menjalankan penyelidikan bersama, pertukaran penyelidikan, pertukaran kakitangan dan pelajar termasuk kerjasama lain yang dipersetujui bersama.

Majlis menandatangani perjanjian tersebut turut disaksikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa.

Menurutnya, penganjuran persidangan tersebut amat signifikan dengan matlamat memperkukuhkan peranan dan keupayaan sektor pengajian tinggi yang menjadi antara penyumbang kritikal dalam menjayakan transformasi negara masing-masing.

"Ini kerana, soal pendidikan sememangnya menjadi agenda utama bagi kebanyakan kerajaan di seluruh dunia.

"Di negara ini, kerajaan telah



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

menyediakan peruntukan besar sebanyak RM50.1 bilion bagi tujuan pembangunan sektor pendidikan yang meliputi 21.6 peratus daripada keseluruhan Bajet 2012," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membaca teks ucapan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada perasmian AMGHE 2012 baru-baru ini.

Persidangan kemuncak itu dianjurkan oleh USIM dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Kementerian Pengajian Tinggi yang turut menghimpunkan peneraju utama universiti dari Asia Barat bagi membincangkan isu-isu pendidikan tinggi.

Persidangan bertema 'Kepimpinan Islam dalam Institusi Pengajian Tinggi pada Era Globalisasi' itu selari dengan usaha menyokong hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Beberapa tokoh pendidik menghadiri persidangan itu termasuk



RUJHAN Mustafa memukul gong sebagai tanda simbolik perasmian Persidangan Pengajian Tinggi Global Arab-Malaysia (AMGHE) 2012, di Putrajaya, baru-baru ini.

Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan; Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan

Sri Datuk Dr. Abdul Shukor Husin; Pengerusi Lembaga Penasihat AKEPT, Tan Sri Dr. Wan Mohd.

Zahid Mohd. Noordin dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.